

02/1



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH PULAU PINANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2010
BAHASA MELAYU**

02/2

**Kertas 2
Ogos 2010**

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri dari dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan..*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

[Lihat halaman Sebelah

Bahagian A(i) Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang kebaikan bekerja sambilan. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Berbagai-bagai pandangan telah dilontarkan berkaitan dengan remaja yang menjalankan kerja sambilan di luar waktu belajar. Ada yang berpandangan positif dan tidak kurang juga sebaliknya. Yang pasti, perkara ini sudah menjadi lumrah dalam kalangan remaja di kota, lebih-lebih lagi buat remaja yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan sederhana atau rendah.

Remaja yang bekerja sambilan dapat mengelakkan masa lapang remaja terbuang begitu sahaja dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Selain itu budaya lepak dapat dibendung. Antara pekerjaan yang dilakukan adalah sebagai pelayan di rangkaian restoran makanan segera, membantu keluarga di gerai, menjadi pengedar surat khabar atau risalah di tempat-tempat awam.

Pekerjaan sambilan tidak seharusnya menjejaskan pencapaian akademik kerana kerja yang dilakukan adalah pada waktu lapang. Secara tidak langsung, alam pekerjaan ini mematangkan remaja dalam menangani soal kehidupan. Hal ini banyak membantu remaja bertindak bijak dalam membuat sebarang keputusan.

Di samping itu, bekerja sambilan mengajar remaja untuk lebih berdikari. Hal ini bukan sahaja mendewasakan mereka tetapi juga menerapkan sikap berdikari yang amat penting dalam *mengikis mentaliti* kebergantungan terhadap keluarga. Lantaran, remaja jauh lebih yakin apabila berinteraksi dengan orang ramai.

Bekerja sambilan juga mampu meningkatkan tahap disiplin para remaja. Disiplin diri amat penting untuk menjadi insan yang berjaya dalam hidup. Seterusnya, perawakan insan yang komited terhadap haluan hidup dapat ditonjolkan. Hal ini menyebabkan mereka menjadi lebih bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

Bersandarkan pengalaman remaja bekerja sambilan, dapat disimpulkan bahawa remaja yang bekerja sambilan banyak memperoleh manfaat. Remaja yang bekerja sambilan merupakan fenomena positif dan salah satu cara paling berkesan untuk membentuk modal insan yang berjaya.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
Kerja Sambilan, Mengikis Mentaliti Subsidi.
Ron A.R., November 2007)

Bahagian A(ii) – Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan Bahagian A(i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.


1. Berikan maksud rangkai kata *mengikis mentaliti*. [2 markah]
2. Berikan dua contoh pekerjaan sambilan yang dilakukan oleh remaja. [4 markah]
3. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan negatif yang mungkin dihadapi oleh pelajar apabila bekerja sambilan.

[4 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang faedah bersukan. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



Bahagian C

[40 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- 1 Setiap orang mempunyai hobi.
Jelaskan faedah-faedah mempunyai hobi.
- 2 Amalan menabung perlu diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil.
Huraikan peranan ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak menabung.
- 3 Tahap keceriaan di sekolah anda masih kurang memuaskan. Anda dan beberapa rakan berbual-bual tentang langkah-langkah untuk menceriaikan sekolah anda.
Tulis perbualan itu selengkapnya.
- 4 Anda akan menyertai pertandingan syarahan. Tajuk syarahan tersebut ialah kepentingan semangat kejiranan.
Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.
- 5 “Kepulan asap menyelubungi kelas kami. Kami tertanya-tanya perkara yang berlaku. Pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas terganggu. Murid-murid mulai bising. Guru kami terjerit-jerit meminta kami supaya diam. Namun, ada murid yang tertinjau-tinjau melalui pintu dan tingkap. Loceng kecemasan berbunyi tanpa henti. Kami pun...
Tulis sebuah cerita yang bermula dengan perenggan di atas.

Bahagian D

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 1, Tingkatan 2 atau Tingkatan 3.

- (i) Meniti Kaca, karya R.Sabarudin R. Abdullah
- (ii) Anak Din Biola, karya Maaruf Mahmud
- (iii) Aku Anak Timur, karya Siti Aminah Hj. Yusof
- (iv) Limpahan Darah di Sungai Semur, karya Zakaria Salleh
- (v) Pahlawan Pasir Salak, karya Mohd. Ismail Sarbini
- (vi) Tragedi Empat Disember, karya Dzul Karnain Ithnain
- (vii) Timulak Kapal Perang, karya Azmah Nordin
- (viii) Kapten Hassan Wira Bangsa, karya Harun Johari
- (ix) Panas Salju, karya Talib Samad
- (x) Merdeka! Merdeka!, karya A. Rahman Hanafiah
- (xi) Ekspedisi, karya Mohd. Ghazali Tocheh
- (xii) Kanang Cerita Seorang Pahlawan, karya Maznan Nordin

Perwatakan merupakan unsur penting dalam sesebuah novel.

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan **tiga** perwatakan watak utama serta contoh peristiwa dalam novel tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT